

Kontroversi Wujudiyah dalam Sejarah Perkembangan Tasawwuf di Nusantara: Suatu Pandangan Baru

Mohamad Nasrin Nasir*

Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Setiap penulisan atau kajian adalah menyiasat satu masalah yang dilihat penyelidik. Masalah yang paling utama apabila kita melihat kembali ke perkembangan tasawuf dalam Bahasa Melayu atau tulisan Jawi adalah masalah wujudiyah. Yang dimaksudkan oleh wujudiyah atau kontroversinya adalah apa yang berlaku setelah Shaykh al-Raniri menjadi Shaykh al-Islam di Aceh pada zaman Sultan Iskandar Thani. Al-Raniri mula mengeluarkan beberapa penulisan yang mengkritik fahaman tasawuf Shaykh Hamzah Fansuri dan Shaykh Shamsuddin. Beliau juga mengeluarkan beberapa fatwa seperti yang terdapat dalam penulisan fiqahnya seperti di Sirat al-Mustaqim mengenai bagaimana golongan wujudiyah yang beliau labelkan wujudiyah mulhid merupakan sebahagian dari najis yang diminta untuk dibersihkan dari amalan tasawuf di nusantara. Beberapa hukuman mati dan juga pembakaran kitab-kitab tulisan tokoh-tokoh Wujudiyah mulhid itu dilakukan di perkarangan masjid Baitul Rahman. Usaha beliau ini bertahan selama bertahun-tahun sehingga al-Raniri ditewaskan oleh Saiful Rijal seorang anak kepada Shaykh Maldin salah seorang tokoh yang telah dihukum bunuh akibat isu ini. Shaykh Abdul Rauf Singkel yang menggantikan al-Raniri tidak meneruskan polisi keras beliau. Menurut penulisan Abdul Rauf beliau tidak pernah melabel mana-mana kumpulan sebagai sesat dalam konteks bertasawwuf ini. Ada dua reaksi utama terhadap isu ini. Ada yang mengatakan ia merupakan suatu kesilapan yang dilakukan al-Raniri dalam penilaiannya terhadap wujudiyah di Aceh tersebut atas sebab realpolitik. Ada juga yang menyatakan bahawa al-Raniri sebenarnya yang benar dan tindakannya itu adalah suatu yang diminta oleh Syariah Islam. Jadi di sini timbul suatu masalah iaitu siapakah yang benar? Kertas ini akan cuba menyingkap beberapa aspek yang tidak pernah disentuh dalam penulisan sebelum ini. Permasalahan ini boleh cuba diselesaikan dengan memahami apakah itu penyelidikan dan permasalahan dalam penyelidikan sejarah. Tulisan ini tidak bersetuju dengan pandangan bahawa persepsi itu bergantung kepada sesiapa yang melihatnya yang merupakan sikap golongan skeptisisme. Sebaliknya penyelidik mempercayai bahawa suatu pendekatan yang objektif boleh dicapai sekiranya beberapa anjakan paradigma mengenai persoalan penyelidikan dapat dilakukan terlebih dahulu.

Kata Kunci: Al-Raniri, Wujudiyah, Fathul Mubin, Permasalahan Kajian, Objektifitas.

ABSTRACT

All research and academic writings aims to investigate a certain problem seen by the researcher. The main problem that arises when we look at the development of Sufism in Malay or in the Jawi script is the issue of perception on the wujudiyah controversy in the 17th century. What is meant by the controversy as what had happened after Shaykh al-Raniri became the Shaykh al-Islam in Aceh during the reign of Sultan Iskandar Thani (d.1646). Al-Raniri had started by writing a few pieces of work which criticized the teachings of Shaykh Hamzah Fansuri and Shaykh Shamsuddin (the former Shaykh al-Islam). He had also issued a few fatwas against them and had regarded them to be impure and that the practice and understanding of Sufism are to be purged from them in his Serat al-Mustaqim. An inquisition was instituted that caused a number of wujudiyah adherents and their shaykh were executed and their works were burnt in the courtyard of the Bait al-Rahman mosque.

*Emel: mnasrin@ukm.edu.my

His efforts were sustained whilst he was in power until he was defeated in a debate by Saiful Rijal the son of Shaykh Maldin, one of the figure executed by al-Raniri due to his beliefs. Shaykh Abd al-Ra'uf of Singkel did not continue his policies in fact he never condemned nor labelled in his works any of the practitioners of Sufism as heretics unlike al-Raniri. There are primarily two main reactions in interpreting and later conceptualizing this episode amongst scholars. Some regarded al-Raniri's actions to be wrong and was done for the sake of realpolitik. The second reaction would condone what was done by al-Raniri as in line with the Islamic Shari'ah. Thus, there arise the problem of who was nearer to the truth? This paper will try to view some other aspects which have not been touched in analysis of this particular issue. The issue will be viewed via an understanding of what is research and what are problems within historical research. This paper does not agree with the skeptics' view of suspending judgment and that any point of view is accepted for it is a point of view. It is the argument of this paper that an objective view can be achieved if a few paradigm shift is undertaken regarding research and how research is viewed is done first.

Keywords: Al-Raniri, Wujudiyah, Fathul Mubin, Research Problems, Objectivity.

PENGENALAN

Persoalan membaca sejarah itu suatu yang agak sukar dimengerti kerana pembacaan itu tidak bersifat neutral. Semua pembacaan itu menggunakan kaca mata yang dibina dan dicipta melalui pengalaman si pembaca. Ertinya setiap pembacaan sejarah itu bersifat bergantung kepada pengalaman si pembaca. "There is no such thing as a history which is neutral" Yang ada hanyalah pembacaan yang berbeza. Jadi bagaimana kita menanggapi pembacaan-pembacaan ini? Ertinya mesti ada penilaian sesebuah peristiwa sejarah itu. Ia juga mempunyai erti bahawa setiap yang mahu pembacaan sejarahnya diterima atau dipertimbangkan kebenarannya mestilah menyediakan atau membuka pembacaannya kepada penilaian.

Setiap pembacaan sejarah adalah dikira menepati kriteria objektiviti/objektivitas sekiranya ia mendedahkan dengan jelas bukti-bukti yang digunakannya untuk mencapai konklusi atau pembacaan tersebut. Sudah pasti teori kita adalah relatif pada masalah kita dan masalah kita adalah relatif pada tahap keilmuan kita. Dan sudah pasti juga mungkin ada banyak kesilapan juga pada ilmu kita. Namun ini tidak bermakna bahawa kebenaran adalah relatif/nisbi. Ia hanya bermakna bahawa penghapusan kesilapan-kesilapan kita dan pergerakan ke arah kebenaran adalah bukan suatu yang mudah. Tiada kriteria pada kebenaran. Tetapi ada apa yang dikatakan kriteria bagi kesalahan: pertembungan yang timbul dalam ilmu kita atau antara ilmu kita dengan fakta. Melalui cara ini ilmu kita boleh berkembang iaitu dengan cara penghapusan kesalahan secara kritis. Inilah caranya kita menghampiri kebenaran.

Dikatakan metod seorang ahli sains adalah pemerhatian dan pemerhatian. Dan metod seorang yang mengkaji sejarah adalah bermula dengan membaca manuskrip dan membaca manuskrip. Padahal kedua-duanya adalah sama. Kamu tidak boleh memerhatikan tanpa mengetahui apakah yang perlu diperhatikan; dalam kata lain kamu perlu bermula dengan satu masalah. Tambahan pula, mana ada satu pemerhatian yang tidak ditafsirkan. Semua pemerhatian adalah ditafsirkan menurut kaca mata teori.

Begitulah juga dengan dokumen atau manuskrip. Sebuah dokumen bersejarah adalah juga seperti pemerhatian sains, adalah sebuah dokumen yang mempunyai hubungan dengan sebuah masalah sejarah dan seperti pemerhatian ia juga perlu ditafsirkan. Ia memerlukan pentafsiran. Inilah mengapa beberapa orang yang buta pada kepentingan sesebuah dokumen atau manuskrip akan menghapuskannya. Atau mengapa mereka menghapuskan aturan beberapa dokumentasi dan dengannya salah satu bukti penting dalam pentafsirannya. Sebagai contoh dalam pembacaan sesebuah manuskrip membaca isi kandungannya dan mampu tidak akan memberi kepada kita ilmu mengenai kepentingan dokumen tersebut secara historisnya.

Pandangan sejarawan Collingwood:

“Untuk tujuan tersebut iaitu perlu cuba memahami situasi tersebut sebagaimana si Raja itu memahaminya kemudian iaitu perlu memerhatikan bagaimana jika ia berada ditempat Raja ia akan bertindak. Dia perlu melihat dan mempertimbangkan alternatif-alternatif yang ada. Apakah sebab yang ada bagi dirinya memilih satu dan bukannya yang lain. Dan beliau perlulah melalui/menjalani proses yang telah dilakukan Maharaja tersebut dalam memilih semata. Oleh itu dengan beliau melakukan atau memikirkan semula dalam pemikirannya pengalaman Maharaja tersebut hanya dengan inilah ia akan mempunyai ilmu kesejarahan sebagai suatu yang lain dari hanya mempunyai ilmu filologi iaitu makna jelas manuskrip tersebut.” Atau satu lagi contoh, bayangkan bahawa beliau itu sedang membaca suatu petikan dari seorang ahli falsafah silam. Beliau perlu mengetahui bahasa dari segi filologi namun itu tidak bermakna beliau itu memahami sebagaimana seorang sejarawan falsafah memahaminya untuk mencapai tahap tersebut beliau perlulah melihat apakah masalah falsafah tersebut yang sedang dijawab oleh si penulis itu. Beliau perlu memikirkan masalah tersebut dengan sendiri, melihat kepada apakah kemungkinan kepada jawapannya dan kemudiannya melihat kepada mengapa ahli falsafah ini memilih jawapan ini dan bukan yang lain. Ertinya memikirkan semula bagi dirinya pola pemikiran penulis tersebut. Tiada cara lain baginya untuk menjadikan dirinya seorang sejarawan/ahli sejarah kepada falsafah penulis tersebut.

Bahagian Satu: Sejarah dan Objektiviti sejarah

Nurruddin al-Raniri merupakan ulamak Melayu yang telah menyumbang banyak dalam bidang persuratan Melayu. Kitab-kitabnya dalam pelbagai bidang telah mengembangkan pemikiran orang Melayu dalam pelbagai aspek. Beliau juga terlibat malah mengepalai suatu serangan dan perdebatan yang amat hebat di Aceh pada abad ke-17. Serangan yang dimaksudkan adalah perdebatan beliau bersama kumpulan yang dilabel beliau sebagai Wujudiyah Mulhidah. Pada pandangan beliau, kumpulan ini mengikut ajaran Shaykh Hamzah Fansuri (m. awal abad ke-17)[†] dan Shaykh Shamsuddin Sumatra'i (m. 1630)[‡] Perdebatan dengan pihak Wujudiyah ini wajar dilihat semula secara objektif agar pandangan dan persepsi kita yang terhasil adalah sesuatu yang berasaskan kepada fakta yang jelas. Namun perbincangan mengenai sejarah merupakan suatu yang agak sukar kerana sejarah itu merupakan tafsiran si penyelidik jadi bagaimana mahu melepaskannya dari kerangka pentafsiran yang bersifat subjektif dan membawanya ke arah suatu pentafsiran yang bersifat objektif dan boleh diterima secara umum?

[†] Untuk mendapat suatu pandangan ringkas mengenai biografi of Hamzah Fansuri, lihat S. M. N. al-Attas, *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1970) 3–30. Untuk pandangan yang ringkas dan padat lihat Hj Muhammad Bukhari Lubis, *The Ocean of Unity, Wahdat al-Wujud in Persian, Turkish and Malay Poetry* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, reed. 1994), 274–81. G. W. J. Drewes and L. F. Brakel (*The Poems of Hamzah Fansuri* [Dordrecht: Foris KITLV, Bibliotheca Indonesia 26, 1986]) percaya bahawa Hamzah mati pada 1590. Al-Attas, in *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, walaubagaimanapun berpandangan beliau hidup pada zaman pemerintahan Sultan Ala al-Din Riayat Syah Sayyid al-Mukammil, yang berakhir pada tahun 1604. Ada beberapa penyelidik dari Perancis merasakan Hamzah hidup dan meninggal pada abad ke-16 dan bukannya ke-17. Untuk perdebatan ini sila lihat Vladimir Braginsky, “Towards the Biography of Hamzah Fansuri: When Did Hamzah live? Data from His Poems and Early European Accounts,” *Archipel* 57 (1999): 135–75. Untuk rumusan dan pandangan Braginsky, lihat juga bukunya *The Heritage of Traditional Malay Literature: A Historical Survey of Genres, Writings and Literary Views* (Leiden: KITLV Press, 2004), 744, n. 13.

[‡] Teuku Iskandar berpandangan bahawa Shaykh Shamsuddin telah merantau ke Mughal India dimana beliau telah bertemu dengan banyak tokoh Sufi, terutamanya Shaykh Muhammad ibn Faḍl Allāh al-Burhānpūrī yang banyak mempengaruhinya melalui konsepsi “martabat tujuh”. Konsep ini jelas menjadi popular selepas Shamsuddin. Pandangan Teuku Iskandar juga berpandangan bahawa Shamsuddin lah yang merupakan penulis *Hikayat Atjeh*, yang ditulisnya berdasarkan kepada *Shahnāma Firdausi*. Kitab *Shahnāma* amat popular di Mughal India berkemungkinan Shamsuddin telah mendapatnya semasa beliau di sana. Walaubagaimanapun tiada bukti tambahan yang diberi oleh T. Iskandar untuk menguatkan lagi hujah beliau memandangkan tiada sumber primer yang menceritakan sejarah hidupnya Shamsuddin. Walaupun begitu, saya lebih cenderung untuk bersetuju dengan T. Iskandar kerana beberapa sebab: pertamanya, adalah kerana banyak bukti didalam tulisan Shamsuddin sendiri yang menunjukkan pengaruh yang datang bukan dari Shaykh Hamzah Fansuri seperti bukti pengaruh tarekat Shattariah dan figure-figurnya. Dan sebab-sebab yang lain yang telah saya jelaskan di dalam *A Critical Edition and Study of Haqq al-yaqin fi 'aqidat al-muhaqqiqin of Shams al-Din al-Sumatrai'*, unpublished Ph.D. dissertation, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Malaysia, 2008. Sebahagian dari tesis ini telah saya kembangkan dalam buku *The Islamic Metaphysical Epistemology of Shaykh Shams al-Din al-Sumatra'i* (Penerbit The Other Press sdn bhd, Petaling Jaya, 2019).

Ini merupakan suatu permasalahan falsafah yang masih diperdebatkan dalam kalangan ahli falsafah. Secara ringkasnya (kerana ini bukan konferens falsafah!) pertamanya kita perlu menjelaskan apakah itu objektifiti yang ingin dicari dan apakah ia bermaksud sama dengan apa yang difahami ramai atau tidak? Secara umum jika objektif itu disebut ia sering dianggap sebagai menandakan sesuatu yang bersifat universal dan boleh diterima oleh semua dan lawannya iaitu subjektif bermaksud memihak atau bias kepada sesuatu pandangan. Namun ini merupakan suatu pandangan yang salah sebenarnya. Walaupun ia popular namun ini salah!

Pada pandangan ahli falsafah objektif dan subjektif dalam bidang ilmu yang sering difahami sebagaimana saya nyatakan di atas adalah tersilap kerana semua pandangan atau tafsiran ke atas sejarah yang kemudiannya membentuk persepsi kita merupakan sesuatu yang subjektif. Menurut pandangan ahli falsafah Sains yang terkenal iaitu Prof. Karl Popper (m.1998) pandangan objektif dan subjektif yang diberikan di atas adalah berdasarkan kepada pandangan yang diberikan golongan positivis yang sudahpun ditewaskan pada tahun 70-an. Semua pandangan manusia merupakan pandangan yang bersifat subjektif kerana manusia itu dipengaruhi oleh persekitaran dan cara seseorang itu dibesarkan mana mungkin seseorang manusia itu membebaskan dirinya dari dirinya sendiri! Jika begitu adakah ini bermakna setiap pencarian yang cuba bersifat objektif itu sesuatu yang tidak mungkin?

"To say that objective facts are now less influential in shaping opinion than appeals to emotion implies that there are such things as objective facts. In a truly post-truth environment, where the whole concept of truth had lost purchase, this claim would not be made or even understood."[§]

Dalam pemikiran post-modern, kebenaran itu bersifat tafsiran semata. Tiada sesuatu yang objektif seperti kata Simon Blackburn:

"When postmodernists echoed Nietzsche's claim that "there are no facts, only interpretations," they were not belittling the process of interpretation. On the contrary, Nietzsche's aphorism highlights the importance of weighing up rival claims: it means that it takes experience, care, judgment and skill to fill our minds with sensible beliefs. Some such skills are unavoidable."^{**}

Nietzsche menunjukkan cara bagaimana kita perlu sentiasa mempertimbangkan pandangan yang berbeza-beza pada satu-satu ketika. Pertimbangan inilah yang membentuk epistemology kita.

"It is sad that a childhood innocence that regards everyone as trustworthy has to be replaced, but it does. The process is called education. Its heart ought to be an appreciation of probability, of inference to the best explanation, of the intuitive use of statistical reasoning, or in short, epistemology."^{††}

Epistemologi kita mengandungi kaedah kita menilai sesuatu. Penilaian ini adalah hasil probabiliti, inferen atau proses mengeluarkan kesimpulan dan juga kepada kemampuan kita menggunakan data statistik. Semua ini menyumbang ke arah penerimaan seseorang terhadap penghujahan atau pernyataan bersahaja (claims)^{‡‡} yang ditemuinya dalam dunia nyata. Ini akan mengelakkan kita menjadi seorang yang terlalu mudah percaya kepada apa-apa sahaja.^{§§}

Ertinya dalam sesebuah penyelidikan seseorang penyelidik itu hendaklah sentiasa mengawasi dirinya dari dimanipulasi oleh framework tertentu sehingga boleh mengganggu objektiviti kajian tersebut (*jeopardise the objectivity of the research*).

[§] Blackburn (2017).

^{**} Ibid.

^{††} Ibid.

^{‡‡} Pernyataan bersahaja saya terjemahkan dari perkataan claims kerana ia merupakan pernyataan yang tiada mempunyai hujah yang menyokong mengapa pernyataan itu benar.

^{§§} Perkataan Inggerisnya adalah credulity dan mempunyai makna "a tendency to be too ready to believe that something is real or true".

“Sedang mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. Mereka tidak lain hanyalah mengikut sangkaan semata-mata, padahal sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran” [al-Najm 53:28]

Mereka tidak mempunyai hati yang terbuka dan lemah dalam pencarian ilmu oleh itu mereka akan kekal dalam kesesatan (dari segi ilmu)^{***}. Perbincangan ini merupakan suatu perbincangan yang panjang dan berkait rapat dengan apa yang disebut sebagai epistemologi dan akan dihuraikan dengan lebih lanjut di makalah yang lain. Secara kesimpulannya kita boleh mengatakan bahawa apa-apa pernyataan yang dibuat mengenai sejarah ia adalah hanya hipotesis sehinggalah ia boleh dibuktikan. Setiap kenyataan itu hanyalah hipotesis namun ia sewajarnya diterima selagi tiada anti-tesisnya muncul. Dalam isu mengenai sejarah tasawuf didapati penemuan baharu dalam kajian manuskrip Melayu memerlukan kita mengkaji-ulang hipotesis mengenai kontroversi wujudiyah di Aceh pada abad ke-17 tersebut.

Sebagai seorang ahli akademik tugas kita adalah untuk menyatakan dan mendedahkan bidang pengajian itu sejujurnya. Iaitu kita diminta oleh bidang untuk menjelaskan sesuatu itu menurut ia seadanya (*haqiqat al-ashya' kama hiya*). [Pentingnya point ini sehinggakan Rasulullah s.a.w. sering berdoa dengannya] Hanya dengan cara ini kita akan dapat mengeluarkan kepelbagaian dalam bidang. Makalah ini akan mengkaji atau melihat semula sejarah perkembangan tasawuf di nusantara terutamanya isu kontroversi wujudiyah. Ia bukanlah mencuba untuk memberikan suatu pandangan yang baru tapi lebih kepada cuba melihat dengan menggunakan metodologi yang belum pernah digunakan. Metodologi sejarah yang sering digunakan mempunyai makna seorang ahli sejarah itu melihat ke sesuatu fenomena sejarah dengan tujuan berada pada tempat insiden sejarah itu berlaku.

Ada yang berhujah bahawa setiap manusia itu unik dalam kefahamannya maka apakah mungkin sesebuah teks itu difahami secara objektif iaitu secara se-ada-nya. Maka pada mereka ini, setiap pemahaman teks adalah sesuatu yang berpihak atau bias. Tiada peluang bagi kita menggapai apa yang dimaksudkan oleh teks. Tiadalah kita mendapat apa yang dituju oleh si penulis teks tersebut, bak kata Barthes, “the death of the author” akan berlaku. Pemahaman ini akan menisbikan segalanya. Maka ilmu itu tiada lagi melainkan hanya pendapat mengikut sesiapa sahaja. Jika pemahaman ini diterima ramai maka tiadalah kita mendapat keyakinan terhadap apa pun jua. Menurut logika ia merupakan sesuatu yang tidak konsisten maka tidak sistematik dan tidak logik. Kerana beberapa sebab sebagai contoh apakah apabila seseorang itu mengatakan ia sedang sakit kita mengatakan ia hanyalah pandangannya sahaja? Apakah tiada kemungkinan bagi kita berpartisipasi bersama dengan perasaan sakit tersebut? Jika tidak maka tiadalah empati lagi. Ini adalah sesuatu yang ditolak oleh logika. Apabila kita mengatakan kita mampu memahami teks se-ada-nya ia bermaksud kita perlu meneliti si penulis teks tersebut tanpa mengenyepikannya dalam mencapai proses kefahaman kepada sesebuah teks yang ada di depan kita.^{†††} Namun kerana keterbatasan kita dari segi kita semuanya mempunyai pandangan yang berbeza dan dibentuk oleh situasi dan kefahaman kita mengenai isu, maka sebuah pentafsiran yang objektif adalah sebuah pentafsiran yang boleh dinilai semua dan difahami sebelumnya.

Persoalan Objektif dan Subjektif

Jika ditanya mengenai proposal sudah pasti dianggap samada ia objektif ataupun tidak iaitu ianya adalah subjektif. Objektif selalunya mempunyai makna tidak berpihak, tidak mengikut mana-mana kerangka penyelidikan yang berat sebelah (bias) dan ia dikatakan menunjuk realiti waqi'i sebenarnya. Namun ini adalah suatu makna objektifitas yang salah. Objektifitas yang dimaknakan adalah sesuatu yang boleh dikaji dan dinilai oleh mereka yang diluar penyelidikan tersebut

^{***} ibid. ms. 78.

^{†††} Sila lihat perbincangan dengan lebih mendalam dalam karya yang membicarakan persoalan kefahaman teks seperti Gadamer, *Truth und metod* dsbnya.

(Accessible). Ia juga mempunyai makna yang kedua iaitu ianya boleh dinilai (assessable). Ia bukanlah tidak boleh dinilai.

Ilmu sekiranya tidak boleh dinilai atau dirasakan sebagai sah oleh sesiapa maka ia bukanlah ilmu yang sebenarnya. Ilmu perlulah suatu yang bersifat terbuka dan sekiranya dinilai orang dan sesiapa sahaja boleh menilainya maka ia adalah sebuah ilmu yang objektif. Sekiranya ilmu atau hasil penyelidikan dan di sini sudah pasti semua hasil penyelidikan adalah suatu yang merupakan ilmu atau menyumbang kepada perkembangan ilmu; maka jika ianya hanya merupakan suatu yang boleh difahami atau dinilai sebagai sah oleh Supervisor (SV) anda sahaja maka sudah pastilah ia itu bersifat subjektif. Kerana ia hanya boleh difahami oleh beberapa orang sahaja dan ia tidak pula boleh dinilai sebagai benar melainkan oleh SV dan rakan-rakannya!

Oleh itu dalam penyelidikan kita, kita mestilah menulis dengan baik dan memberikan penghujahan kita secara terbuka terhadap semua kefahaman kita dalam tesis itu. Kerana tesis adalah suatu yang telah bergerak dari satu langkah iaitu dari satu hipotesis hinggalah ke tesis. Pergerakan dari satu hipotesis kemudiannya menjadi tesis perlu mempunyai penghujahan yang jelas. Penghujahan itu semuanya perlu ditulis dengan baik agar memudahkan orang lain untuk membacanya dan yang paling penting untuk dinilai sebagai benar ataupun tidak. Hasil penyelidikan itu bersifat objektif kerana ia boleh dinilai secara kritis oleh penyelidik lain. Hasil penilaian ini akan membolehkan ilmu itu berkembang dan terus berkembang. Ertinya jika hasil penilaian terhadap tesis yang dikemukakan oleh A mendapati ia adalah salah sekalipun ia merupakan sumbangan kepada bidang ilmu kerana ia memastikan penyelidik lain tidak mengikut jalan tersebut atau hipotesis tersebut.

Jika hasil penilaian adalah benar dan mempunyai penghujahan maka ia merupakan sumbangan ke arah ilmu tersebut kerana hasil penyelidikannya menyebabkan kita dapat memahami bidang tersebut dengan lebih menyeluruh. Bidang ilmu apa juga ilmu adalah menyatakan ilmu atau menghuraikan ilmu berdasarkan realiti waqi'i. Setiap orang yang berada dalam bidang adalah sedang mencuba menceritakan realiti tersebut pada kita. Ilmu adalah penceritaan atau penghuraian terhadap realiti. Setiap penyelidik sedang cuba memahamkan kita mengenai sesuatu.

Jika dalam bidang Sains gunaan, seperti kejuruteraan, seseorang yang mengkaji mengenai bagaimana membuat suatu sistem yang boleh menggantikan tenaga elektrik seperti tenaga Solar, antara lain beliau sedang memberitahu kita bahawa ada cara yang lebih baik untuk menggunakan tenaga. Atau bagaimana "how to make things work better if they are not that better before" Jika dalam bidang Sains Sosial sebagai contoh yang mengkaji masyarakat, si penyelidik sedang mengkaji dalam usaha untuk memahamkan kita mengenai suatu aspek masyarakat tersebut. Namun ini semua mestilah bermula dengan suatu masalah terlebih dahulu. Ini yang dipanggil permasalahan kajian.

Jadi apabila kita mengatakan bahawa penyelidikan kita itu bersifat tesis dan ia menyumbang ke arah ilmu, kita mestilah memastikan bahawa ia:

- (i) Boleh difahami oleh sesiapa sahaja di dalam atau diluar bidang.
- (ii) Boleh dinilai secara kritis ertinya ia mestilah mempunyai maklumat yang berisi kandungan yang boleh dikatakan sebagai tidak benar. (it has informative content and thus must be empirically falsifiable)

Ia bukanlah suatu yang bersifat truism atau tautology. Truism adalah perkataan Inggeris yang mempunyai makna ia bukanlah sesuatu yang dirasakan benar oleh hanya si penyelidik dan kelompoknya atau kengkawannya sahaja. Ini menjadikannya sukar untuk dinilai kerana penilaiannya hanya disokong oleh kelompok yang kecil sahaja. Sifat truism atau merasakan ia sebagai benar sering berlaku dengan penggunaan adjektif-adjektif tertentu. Sebagai contoh

apabila penyelidik menyelidik mengenai alam Melayu (pada masa lalu) sering difikirkan semuanya dalam bentuk terbaik atau suatu yang telah dianggap mencapai tahap kesempurnaan padahal ia belum dibuktikan!

Sebagai contoh penyelidik sering menganggap orang Melayu atau tamadun Melayu itu sudah mencapai kesempurnaan pada masa lepas, oleh itu ia tidak wajar dipersoalkan langsung. Padahal tanpa pembuktian. Bukan semua yang lama itu benar dan baik, namun bukan semua yang baru itu baik pula! Malah ia perlu dilihat sebagai baik atau mencerminkan suatu kearifan. Padahal kearifan bukanlah kearifan sekiranya ia hanya bersifat local. Kearifan mempunyai makna yang universal dan bukannya *local*. *The very fact it is wisdom demonstrates that it is relevant everywhere*.

Maka dalam hal wujudiyah yang berlaku di Aceh sudah banyak kajian yang dilakukan dengan melihat kepada teks manuskrip dan bertanyakan mengenai ketepatan penghujahan al-Raniri, Hamzah Fansuri dan juga Shaykh Shamsuddin al-Sumatra'i. Metodologinya sering membicarakan melihat kepada manuskrip yang ada dalam penghujahan mereka dan menimbulkan persoalan konsistensi dan keadilan dalam kritikan al-Raniri terhadap mereka yang dianggap wujudiyah mulhidah (sesat) oleh beliau. Di sini saya ingin mengambil pendekatan yang sedikit berbeza dengan melihat kepada keadaan masyarakat Aceh pada ketika itu dan bagaimana persoalan wujudiyah ini merupakan suatu persoalan politik yang digunakan pihak berkuasa yang ada dalam menguasai manusia Aceh. Ia juga boleh ditafsirkan sebagai suatu usaha untuk mengubah persepsi masyarakat Aceh pada ketika itu kepada suatu persepsi yang diterima oleh kerajaan dibawah Sultan Iskandar Thani (m.1641). Ia merupakan suatu usaha terarah yang diketuai oleh Shaykh al-Islam Aceh pada ketika itu iaitu al-Raniri dengan disokong oleh Sultan dan beberapa pembesar (hulubalang). Pembakaran terbuka kitab-kitab tulisan mereka yang digelar wujudiyah mulhidah dan juga hukuman bunuh yang dilakukan secara terbuka merupakan usaha Sultan untuk menakut-nakutkan pengikut dan simpatisan golongan wujudiyah agar tidak bersuara secara terbuka.

Al-Raniri menjadi Shaykhul Islam selama 6 tahun dari 1637 hingga 1643 setelah kematian Shaykh Shamsuddin pada 1630 di Melaka (Aceh menyerang Melaka pada tahun tersebut). Ertinya beliau mendapat sokongan dari Sultan Iskandar Thani yang ditabalkan pada tahun yang sama setelah kemangkatan Sultan Iskandar Muda pada 1636. Sultan Aceh yang baharu itu merupakan menantu⁺⁺⁺ kepada Sultan Iskandar Muda^{sss} yang dilahirkan dan dibesarkan sepenuhnya di Pahang, beliau bukanlah seorang yang disukai para hulubalang dan orang kaya di Aceh^{****}.

Dibawah Sultan Iskandar Thani, syariah giat diperkuatkan dan hukuman syariah mula mengambil tempat hokum-hukum adat (Hadi, 2007). Kempen terhadap pengikut wujudiyah yang berseberangan dengan al-Raniri mencapai kemuncak apabila mereka dihukum sebagai kafir dan penghukuman bunuh terhadap mereka yang didapati bersalah dilaksanakan di hadapan Sultan⁺⁺⁺. Berita dari sebuah travelog Inggeris menambah bahawa pembunuhan terhadap kaum wujudiyah itu juga dikatakan berlaku pada masa adanya kumpulan yang cuba menjatuhkan Sultan Iskandar Thani sehingga Sultan merasakan (?) mereka iaitu kaum Wujudiyah itu bersekongkol bersama dengan kumpulan tersebut lalu dijatuhi hukuman bunuh.

“Wee understood about four hundred persons putt to death by this king some three or four months since with sundry sorts off exquisite torments, viz. divers cut in pieces, others sawn in

⁺⁺ Lihat Daudy (2002), ms. 37.

^{sss} Anak Iskandar Muda yang dijadikan Raja Muda dalam sebuah upacara gilang gemilang dengan dibacakan doa oleh Shaykh Shamsuddin telah mati pada ketika Iskandar Muda mangkat. Ini mengakibatkan beliau tidak mempunyai anak sendiri untuk menjadi penggantinya.

^{****} Maklumat ini diambil dari rekod Belanda yang ditulis Peter Sourij sendiri.

⁺⁺⁺ Ini dapat dilihat dari sumber-sumber primer seperti *Tibyan fi Ma'rifat al-Adyan*, muka 5; *al-Fath al-Mubin 'ala al-Mulhidin*, muka 3-4 dan juga sumber sekunder seperti al-Attas (1966) & (1986).

two... some hung on iron hookes by the heels, stretched wide abroad and molten lead poured into the fundaments of the men and privities of the women to cause them to confess.”^{****}

Termasuk didalam mereka yang dihukum bunuh adalah anak-anak perempuan Sultan Iskandar Muda dan anak-anak lelaki mereka yang kesemuanya dilabel sebagai wujudiyah dan mempunyai tujuan untuk menjatuhkan kerajaan Iskandar Thani (Khan, 2017). Ini bukanlah suatu yang sukar dimengerti kerana politik Aceh pada ketika itu agak bergolak kerana desakan orang kaya yang berlainan dengan corak pemerintahan Iskandar Thani. Menurut *Bustan al-Salatin* (Hadi,2007) Sultan Iskandar Muda terpaksa mengulang dan memberikan afirmasi di beberapa ketika kepada semua termasuk hulubalangnya bahawa Sultan Mughal (Iskandar Thani) yang akan menggantikan beliau apabila beliau mangkat.

Kekuasaan seorang Shaykhul Islam itu merupakan suatu yang berkait rapat dengan politik dan kekuatannya disokong oleh Sultan. Dalam hal ini al-Raniri mendapat sokongan penuh dari Sultan Iskandar Thani (m.1641) dan kemudiannya Sultanah Safiyatuddin (1641-1675). Walaupun begitu beliau mendapat tentangan yang hebat dari pihak hulubalang atau pembesar Aceh sehingga beliau berjaya dikalahkan oleh Sayful Rijal pada tahun 1643 (Ito,1978). Rekod mengenai Sayful Rijal disimpan dalam teks berbahasa Belanda yang dirakamkan oleh seorang Peter Sourej yang merupakan saksi pada perdebatan tersebut.

Beliau merupakan pegawai yang mewakili pihak Belanda dalam perniagaan bersama dengan kesultanan Aceh. Didalam rekodnya beliau menyebut bagaimana setelah perdebatan dilakukan di hadapan Sultanah Safiyatuddin (yang baharu kematian suaminya), al-Raniri didapati tewas dan beliau tidak mendapat sokongan Sultanah. Sultanah menyerahkan keputusan kepada para pembesar Aceh yang terus mengusir al-Raniri dan menaikkan Sayful Rijal sebagai Shaykhul Islam yang seterusnya selama 18 tahun (!) sehingga beliau diganti oleh Shaykh Abdul Ra'uf Singkel pada tahun 1661. Al-Raniri pulang ke Surat dan meninggal pada tahun 1658. Walaupun beliau di Surat India, beliau tetap meneruskan polemik beliau dengan wujudiyah melalui kitabnya *Fath al-Mubin 'ala al-Mulhidin* yang beliau siapkan di Surat dan kemudiannya mengirimkannya (haluwat kirimanku) ke banyak tempat di negeri bawah angin. Ini merupakan sebuah tulisan yang bersifat polemik dan tidak wajar diambil secara serius kerana kesemua hujah beliau terhadap Shaykh Hamzah Fansuri dan Shamsuddin telah didedahkan sebagai tidak konsisten dan tidak jujur (Nasir, 2017).

Keengganan Sultanah untuk mempertahankan al-Raniri bukanlah merupakan suatu yang sukar dimengerti. Sebelum itu perlu diketahui bahawa Sultanah Safiyatuddin merupakan penyokong kuat al-Raniri sebelumnya sehingga beliaulah yang meminta al-Raniri untuk menulis kitab *al-Tibyan fi Ma'rifatil Adyan* pada tahun 1642-1644 (al-Attas, 1986).^{§§§§} Keadaan politik di istana setelah kemangkatan Sultan Iskandar Muda menyebabkan Sultanah terpaksa mengkonsolidasi kekuasaannya. Dalam kajian Khan (2013), beliau menunjukkan betapa setelah kemangkatan Sultan Iskandar Muda keadaan dalam istana agak tidak stabil. Ini disebabkan pembesar-pembesar Aceh dan juga ancaman dari luar dari pihak Belanda melalui VOC mengakibatkan Sultanah terpaksa bersikap mengatur dan memilih keutamaan. Jelas keutamaannya tidak terletak pada menghukum seteru politik al-Raniri.

Jadi masalah wujudiyah di Aceh bukanlah merupakan suatu masalah agama yang amat serius sehingga mewajarkan kita bersikap dengan mengambil pandangan al-Raniri atau yang sebaliknya. Sewajarnya episod itu dilihat sebagai suatu episod yang dimainkan oleh al-Raniri dengan tujuan menguasai perjalanan Islam dan pentafsiran Islam yang beliau mahukan mengikut acuanya sahaja. Mungkin disebabkan itulah beliau menulis kitab sejarah Islam, sejarah Aceh,

^{****} *The Travels of Peter Mundy*, ms.330 diambil dari Khan (2017). Kebanyakan hukuman itu tidaklah dari shari'ah Islam walaupun ia tidak dinafikan oleh al-Raniri!

^{§§§§} Lihat al-Attas (1986), ms.27.

hukum fikah dan sebagainya agar pentafsirannya terhadap agama itu dapat digunakan oleh pihak di Aceh. Disebabkan itulah menurut pembacaan al-Attas, al-Raniri itu merupakan orang yang pertama yang cuba “membetulkan kefahaman dan pentafsiran Islam di rantau ini” Tambah beliau lagi:

“There were no earlier writings in Malay or in other languages of the Archipelago that clarified the distinction between the true and the false interpretation and understanding of Sufi doctrines and metaphysics” (Al-Attas, 1986). Namun pandangan ini sukar dipertahankan apabila kita memahami suasana politik dalaman Istana Aceh yang telah dijelaskan di atas. Berkuasanya tafsiran agama al-Raniri bukanlah disebabkan kerana kekuatan hujahnya atau untuk tujuan membetulkan kefahaman malah ia merupakan perancangan politik licik oleh pihak berkuasa di Istana Aceh untuk kekal berkuasa. Apabila mangkatnya Sultan maka Sultanah yang berkuasa mendapati kekuasaan kumpulan tersebut makin kehakisan lantas beliau terpaksa melakukan apa sahaja untuk menjaga kekuasaannya juga. Keadaan beliau yang merupakan anak kepada Iskandar Muda banyak menolong posisinya di Istana Aceh di tengah kekuatan orang kaya dan hulubalang Aceh yang rata-ratanya amat menghormati bapanya.

Shaykh Abdul Ra’uf Singkel yang menjadi Shaykhul Islam pada tahun 1661 pernah berkata:

“Bermula: yang mengkafirkan itu sangat bahayanya, kerna jikalau ada ia kafir maka tiadalah perkataan dalamnya, dan jika tiada ia kafir neschaya kembali kata itu kepada diri kita ...”*****

Mungkin pandangan ini yang sewajarnya dipegang oleh mereka yang melihat kembali dalam semangat menilai ulang terhadap episod wujudiyah yang berlaku di Aceh selama 6 tahun semasa era al-Raniri menjadi shaykhul Islam.

RUJUKAN

- Al-Attas, Syed Muhammad Naguib (1966). *Al-Raniri and the Wujudiyah of Aceh*. Singapura: JMBRAS.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naguib (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: University of Malay Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naguib (1986). *A commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri*. Kuala Lumpur: Menteri Kebudayaan dan Sukan.
- Hadi, Amirul. (2004). *Islam and State in Sumatra. A study of seventeenth-century Aceh*. Leiden: Brill.
- Hadi, Amirul. (2010). *Aceh Sejarah, Budaya dan Tradisi*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor.
- Ito, Takeshi (1978). WHY DID NURUDDIN AR-RANIRI LEAVE ACEH IN 1054 A.H.? *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde Deel 134, 4de Afl.* (1978), pp. 489-491.
- Johns, A.H. (1955). “Dakā'ik al Hurūf” by Abd al-Ra'uf of Singkel”, *Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain*: 55–73, 139–58.
- Nasir, Mohamad Nasrin. (2017). Menghalusi Penghujahan al-Raniri dalam Kitab Fathul Mubin alal Mulhidin: Suatu Analisis Logiko-Deskriptif. (Analysing the argumentations of al-Raniri in Fath al-Mubin ala al-Mulhidin: A logical and descriptive analysis). *Proceedings of the International Conference of Religion and Society 2017*. Organised by Pusat Penataran Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.
- Al-Raniri, Nur al-Din Hasanji. (?). *Karya Agong: Fathul Mubin alal Mulhidin (Kemenangan yang jelas terhadap Kesesatan Wujudiyah)*. Diedit dan dirumikan serta diberikan kata pengantar oleh Dr Mohamad Nasrin Nasir, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

***** Lihat Johns (1955) ms.143. Saya ingin mengucapkan terima-kasih kepada Dr Mulaika Hijjas dari SOAS dalam memberikan saya petikan ini.

Khan, Sher Banu A.L. (2012). "What happened to Sayf al-Rijal?" *Bijdragen tot de- Taal Land-en Volkenkunde*, vol.168 no.1, pp. 100-111.